

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Sumber elektronik di perpustakaan

Sumber maklumat dalam bentuk elektronik merupakan satu elemen penting di perpustakaan pada masa kini. Kebanyakan perpustakaan di seluruh dunia telah mengubah mekanisma penyebaran dan pengaksesan maklumat bagi pengguna dengan menggunakan sumber elektronik seperti pangkalan data teks penuh atas talian, jurnal elektronik, buku-buku elektronik, dan sumber-sumber berdasarkan Web. Justeru itu, perkembangan ini dilihat sebagai satu usaha berterusan untuk mengubah perkhidmatan dan pemprosesan maklumat secara tradisional kepada bentuk elektronik yang menarik dan ekonomik bagi kebanyakan perpustakaan (Fecko, 1997).

Pada masa kini, perpustakaan menyediakan sumber maklumat elektronik sebagai satu perkhidmatan tambahan kepada pengguna. Peningkatan dan perkembangan perkhidmatan sumber elektronik ini merupakan bukti kepada kepelbagaiannya perkhidmatan maklumat yang disediakan oleh perpustakaan. (McCook dan Gonsalves, 1993; Bushallow-Wilbur et.al, 1996; Pack dan Pemberton, 1999). Satu daripada usaha awal dalam penyediaan sumber maklumat elektronik adalah projek Guternberg di University of Illinois, Amerika Syarikat (<http://promo.net/pg/history.html>). Projek ini menawarkan kandungan tajuk-tajuk buku dalam format elektronik dan disediakan secara percuma di Internet.

Kelebihan sumber maklumat elektronik telah menjadikannya sebagai satu sumber maklumat yang penting dan popular masa kini. Kebanyakan perpustakaan akademik di seluruh dunia menyediakan perkhidmatan sumber maklumat elektronik. Contohnya

Oxford University Library, United Kingdom ; Dental University of Michigan Library, Amerika Syarikat dan King Fahd University of Petroleum and Mineral Library, Arab Saudi.

Oxford University Library menyediakan pelbagai bentuk sumber maklumat elektronik antaranya jurnal elektronik, pangkalan data atas talian, Digital Oxford Library dan pangkalan data CD-ROM. Manakala, Dental University of Michigan Library pula menawarkan sumber maklumat elektronik dalam bidang perubatan dan pergigian, antaranya, jurnal elektronik pergigian, pangkalan data dalam bidang perubatan seperti pangkalan data *Biological Abstract* dan sumber-sumber berdasarkan Web contohnya *PubMed*.

Manakala, perkhidmatan sumber maklumat elektronik di King Fahd University of Petroleum and Minerals Library bermula pada Januari 1979 melalui penggunaan pencarian atas talian pangkalan data US (Siddiqui, 1996). Perpustakaan tersebut juga menyediakan akses kepada sembilan pangkalan data atas talian melalui Gulfnet (Gulf Network). Selain daripada itu, pangkalan data CD-ROM juga disediakan seperti *ABI/Inform*, *Applied Science and Technology Index*, *Chemical Abstracts* dan *ERIC*.

Perpustakaan akademik di Malaysia turut menyediakan perkhidmatan sumber maklumat elektronik kepada para penggunanya antaranya ialah Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Perpustakaan yang ditubuhkan pada 1970 telah menyediakan pelbagai sumber maklumat elektronik dalam pelbagai bidang pengajian antaranya Pangkalan data *EBSCOHOST* untuk bidang perniagaan dan pendidikan. Selain itu, pangkalan data seperti *ScienceDirect*, *SpringerLink* dan *NSTP Online*. Perpustakaan akademik lain di Malaysia yang menyediakan sumber maklumat elektronik di Malaysia

antaranya seperti Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia.

Perkhidmatan sumber maklumat elektronik di perpustakaan mempunyai pelbagai faedah, di antaranya, ramai pengguna boleh mengakses maklumat yang sama secara serentak dalam satu masa, maklumat boleh dikemaskini dengan cepat, kos perpustakaan dapat dikurangkan dan dapat meminimakan penyusunan serta pengurusan sumber maklumat.

Namun begitu, beberapa isu penting perlu di ambil perhatian dan di ambil tindakan supaya perkhidmatan maklumat dapat memenuhi keperluan pengguna. Antara isu dan cabarannya ialah perpustakaan perlu mengenalpasti keperluan maklumat pengguna dengan jelas apabila menyediakan sesuatu perkhidmatan sumber elektronik. Selain daripada itu, perpustakaan juga perlu mengenalpasti samada sumber elektronik dapat menyokong dan memenuhi keperluan maklumat pengguna secara menyeluruh. Ini adalah kerana kualiti dan kesesuaian maklumat yang terdapat dalam sumber elektronik ini yang menjadikannya bernilai dan bukannya teknologi yang digunakan (Bowden,1992).

1.2 Sumber elektronik dalam bidang perubatan di perpustakaan akademik dalam di Malaysia.

Perpustakaan akademik merupakan nadi kepada proses pembelajaran dan pengajaran di institusi pendidikan tinggi di dunia amnya dan di Malaysia khususnya. Oleh itu perpustakaan akademik perlu menyediakan perkhidmatan dan sumber yang berkualiti tinggi, maklumat yang relevan, tepat dan cepat kepada pengguna terutamanya

kepada pelajar dan tenaga pengajar universiti. Justeru itu, sumber elektronik merupakan salah satu sumber maklumat yang penting bagi perpustakaan akademik demi untuk menangani cabaran perkhidmatan maklumat masa kini.

Teknologi rangkaian dan elektronik membangun dengan pantas pada ketika ini. Perpustakaan akademik perlu seiring dengan kemajuan teknologi terkini dengan menyediakan perkhidmatan maklumat kepada pengguna yang menggunakan teknologi rangkaian dan Internet. Perpustakaan juga perlu memberikan perkhidmatan secara 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan 365 hari setahun dengan berasaskan teknologi rangkaian dan elektronik. Sejajar dengan itu, ia dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan maklumat kepada pengguna dan seterusnya memenuhi kehendak dan keperluan maklumat pengguna.

Semua universiti di Malaysia mempunyai sistem rangkaian yang menyeluruh di kampus masing-masing, contohnya, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Universiti Sains Malaysia. Universiti-universiti ini juga menggunakan rangkaian fiber optik dalam sistem rangkaian. Tambahan lagi, semua kakitangan akademik juga disediakan komputer berkeupayaan multimedia. Seiring dengan itu, semua perpustakaan akademik dapat menyediakan pelbagai sumber maklumat elektronik seperti pangkalan data atas talian berteks penuh.

Kebanyakan perpustakaan akademik di Malaysia menyediakan pelbagai sumber-maklumat elektronik kepada penggunanya. Sumber maklumat elektronik yang disediakan ini membolehkan pelbagai maklumat yang dikehendaki oleh pengguna diakses dengan mudah dan efektif termasuk dalam bidang perubatan. Antara perpustakaan akademik di Malaysia yang menawarkan sumber maklumat elektronik dalam bidang perubatan adalah

perpustakaan Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Universiti Malaya merupakan universiti pertama di Malaysia yang menyediakan program perubatan sejajar dengan keperluan dalam bidang perubatan pada masa itu. Perpustakaan Perubatan Universiti Malaya juga adalah perpustakaan pertama yang menyediakan sumber maklumat elektronik dalam bidang perubatan. Antara sumber elektronik yang disediakan oleh perpustakaan ini ialah pangkalan data *Medline; Popline; CINAHL; Experta Medica ; Immunology & Aids; Sistem Maklumat Berkomputer Klinikal (CCIS) dan Health Star.*

Perpustakaan Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1974 menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada tahun 1997, sebuah lagi perpustakaan ditubuhkan untuk menyokong bidang ini iaitu Perpustakaan Hospital UKM yang bertempat di Cheras, Kuala Lumpur. Sejak dengan perkembangan teknologi terkini, Perpustakaan Perubatan UKM dan Perpustakaan Hospital UKM menyediakan pelbagai sumber maklumat elektronik antaranya pangkalan data *Ovid, Proquest, Micromedex, MD-Consult, jurnal elektronik, buku elektronik dan CD-ROM multimedia.*

Universiti Sains Malaysia juga menyediakan pengajian dalam bidang perubatan dengan penubuhan Sekolah Pengajian Perubatan, Sekolah Pengajian Pergigian dan Sekolah Pengajian Kesihatan. Oleh itu, Perpustakaan Kampus Kesihatan telah menyediakan pelbagai sumber maklumat elektronik untuk menyokong proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan Kampus Kesihatan di Universiti Sains Malaysia dan Hospital USM. Antara sumber maklumat elektronik yang disediakan ialah

pangkalan data *Ovid*, *Science Direct*, *MD-Consult*, *ISI Web of Science* dan *Ebrary Online*.

Penyediaan sumber maklumat elektronik di perpustakaan akademik merupakan satu perkembangan yang baik dalam menyokong misi dan visi universiti seterusnya menyokong misi dan falsafah pendidikan negara. Namun, pustakawan dan pihak pengurusan di perpustakaan akademik perlu mengambil perhatian tentang beberapa isu penting berkaitan dengan penyediaan sumber maklumat elektronik dan perkhidmatan yang berkaitan.

Isu-isu seperti sejauh manakah penggunaan sumber maklumat elektronik oleh pengguna dan faktor-faktor penggunaannya perlu diambil perhatian oleh pihak yang berkaitan. Selain daripada itu, sejauh manakah sumber maklumat elektronik yang disediakan dapat memenuhi keperluan pengguna juga perlu di ambil perhatian agar penyediaan sumber maklumat elektronik ini adalah satu usaha yang memberikan hasil dan mencapai objektif serta misi perpustakaan dan universiti.

1.3 Latarbelakang kajian

Perpustakaan akademik di hospital dan institusi pengajian tinggi dalam bidang perubatan juga tidak ketinggalan dalam menyediakan sumber maklumat elektronik. Perpustakaan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan salah satu perpustakaan perubatan di Malaysia yang menyediakan sumber maklumat elektronik.

Perpustakaan Hospital UKM ditubuhkan pada 14 Julai 1997 dan merupakan perpustakaan cawangan kepada sistem perpustakaan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Perpustakaan Hospital UKM yang bertempat di Tingkat Tiga, Kompleks Pendidikan

Perubatan Canselor Tuanku Jaafar Hospital UKM, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur, memberikan perkhidmatan kepada pelajar-pelajar pra dan pasca siswazah Fakulti Perubatan UKM, pensyarah, pengamal perubatan dan kakitangan di Hospital UKM.

Perpustakaan ini menyediakan perkhidmatan sumber maklumat elektronik sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat dan keperluan maklumat pengguna masa kini. Perpustakaan juga memperkenalkan perkhidmatan Pustaka Maya Perubatan (Medical Virtual Library) yang dikenali sebagai Pustaka Maya Perubatan Tan Sri Lim Goh Tong. Perpustakaan HUKM juga meningkatkan lagi keupayaannya dengan melaksanakan laman Web portal dalam sistem pustaka maya. Pustaka maya yang berkonseptan portal ini mempunyai misi untuk menyediakan kemudahan akses kepada maklumat dan perkhidmatan perpustakaan daripada mana-mana lokasi, dan pada bila-bila masa.

Pustaka Maya HUKM ini terdiri daripada empat komponen utama sumber elektronik. Empat komponen sumber maklumat elektronik yang disediakan ialah Pangkalan Data atas talian teks penuh, Rangkaian Multimedia, Rangkaian CD (CD- Net), dan buku elektronik atau pangkalan data dalaman.

Perkhidmatan pustaka maya yang berdasarkan kepada sumber elektronik ini disediakan untuk menyokong proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan para pelajar, pensyarah dan kakitangan di Fakulti Perubatan dan Hospital UKM. Sumber elektronik ini dapat diakses oleh pengguna pada bila-bila masa dan di mana-mana lokasi tanpa perlu hadir ke perpustakaan. Oleh itu, pengguna hanya memerlukan komputer yang mempunyai sambungan kepada Internet dengan perisian yang diperlukan untuk mencapai laman web berkenaan.

Perpustakaan Hospital UKM telah banyak menyokong dan menyediakan sumber maklumat elektronik kepada pengguna. Namun begitu, sejauhmanakah pengguna perpustakaan menggunakan sumber maklumat elektronik ini? Adakah pengguna perpustakaan menggunakan sumber maklumat elektronik untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan mereka?

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji serta mengetahui tentang penggunaan sumber maklumat elektronik dikalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan di Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia. Ianya perlu dijalankan kerana penyelidik mendapati tidak banyak kajian yang mengkaji penggunaan sumber maklumat elektronik di perpustakaan akademik terutamanya di perpustakaan yang khusus bagi bidang perubatan.

Kajian mendapati bahawa terdapat beberapa perpustakaan perubatan yang menyediakan sumber maklumat elektronik khusus dalam bidang perubatan kepada pelajar-pelajar seperti Perpustakaan Perubatan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Kampus Perubatan di Kubang Kerian, Kelantan, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Kampus Perubatan di Pahang dan Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Swasta seperti Universiti Perubatan Antarabangsa.

Namun, penyelidik memilih kajian di Perpustakaan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia bersesuaian dengan misi perpustakaan untuk merealisasikan konsep ‘perpustakaan tanpa dinding’ dengan kewujudan Pustaka Maya yang berkonseptkan web portal dan merupakan antara yang pertama seumpamanya di Malaysia. Di samping itu, kajian ini dilakukan di Perpustakaan Hospital UKM kerana perpustakaan

ini banyak menyediakan sumber maklumat elektronik yang khusus dalam bidang perubatan dan bidang-bidang berkaitan.

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif dan melibatkan kajian kuantitatif berdasarkan data statistik. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kajiselidik yang melibatkan penggunaan soalan soalselidik dan temuramah kepada responden iaitu pelajar Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan tahun tiga hingga lima di Fakulti Perubatan UKM.

1.5 Permasalahan Kajian

Penyediaan sumber maklumat elektronik di perpustakaan dijangka akan meningkat dan sentiasa berkembang pesat pada masa yang akan datang. Oleh itu, Perpustakaan Hospital UKM juga tidak ketinggalan dalam menyediakan perkhidmatan yang bersesuaian dengan perkembangan ini. Namun begitu, penyediaan sumber maklumat elektronik juga perlu seiring dengan sambutan dan penggunaan yang tinggi terhadapnya agar pelaburan dan perbelanjaan yang dibuat memberikan hasil dan seterusnya mencapai misi perpustakaan.

Pelbagai kajian telah dibuat terhadap penggunaan sumber maklumat elektronik seperti kajian tiga tahun untuk mengkaji penggunaan dan sikap pelajar siswazah terhadap jurnal elektronik di Ohio State University (Rogers, 2001). Satu kajian lain pula telah dibuat di University of Columbia terhadap pelajar siswazah yang menunjukkan interaksi pelajar dengan buku elektronik (Summerfield, 1999). Walaupun pelbagai penyelidikan telah dibuat terhadap penggunaan sumber maklumat elektronik, namun kajian terhadap faktor-faktor penggunaan dan bukan penggunaan sumber maklumat elektronik kurang dijalankan oleh penyelidik.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan dan faktor-faktor penggunaan sumber maklumat elektronik di kalangan pelajar-pelajar di Fakulti Perubatan di Hospital UKM. Ianya dijalankan di kalangan pelajar Fakulti Perubatan sahaja kerana mereka merupakan pengguna yang paling ramai menggunakan Perpustakaan Hospital UKM.

Kajian penggunaan sumber maklumat elektronik ini juga akan mengkaji sejauhmana pelajar Fakulti Perubatan di Hospital UKM menggunakan sumber maklumat elektronik untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan mereka. Di samping itu, kajian ini juga meliputi sumber maklumat elektronik yang paling utama digunakan oleh pelajar di Perpustakaan Hospital UKM.

Kajian menunjukkan sumber maklumat utama pengguna Perpustakaan Hospital UKM adalah sumber maklumat penulisan atau bahan bercetak (Mohd Abdul Hafiz, 2001). Hasil kajian itu merupakan satu perkembangan yang tidak begitu memberansangkan kepada Perpustakaan Hospital UKM memandangkan pelbagai sumber maklumat elektronik disediakan oleh perpustakaan. Ini juga menunjukkan sambutan yang kurang diberikan oleh pengguna terhadap kemudahan sumber maklumat elektronik ini. Permasalahan ini juga akan mengakibatkan misi dan objektif perpustakaan tidak tercapai

Oleh yang demikian, kajian ini akan menunjukkan kecenderungan pengguna masa kini, samada menggunakan sumber maklumat elektronik sebagai satu sumber maklumat utama mereka. Disamping itu, kajian ini akan dapat membantu perpustakaan untuk memikirkan cara-cara untuk meningkatkan penggunaan sumber maklumat elektronik dan juga untuk mengenalpasti sumber maklumat elektronik yang kurang digunakan bagi perancangan masa depan.

1.6 Objektif kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisa isu-isu yang berkaitan dengan penggunaan sumber maklumat elektronik dikalangan pelajar Fakulti Perubatan UKM di Perpustakaan Hospital UKM. Ia juga untuk mengenalpasti faktor yang menggalakkan dan yang tidak menggalakkan penggunaan sumber maklumat elektronik di perpustakaan serta mengenalpasti tindakan yang perlu diambil untuk menanganinya. Selain itu, kajian ini juga akan menyentuh tentang kaedah pencarian maklumat yang digunakan oleh pengguna apabila menggunakan sumber maklumat elektronik serta keperluan latihan dan pendidikan pengguna dalam penggunaan sumber maklumat elektronik. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini ialah untuk :

- a) Mengenalpasti sumber maklumat elektronik yang terdapat di Perpustakaan Hospital UKM
- b) Mengenalpasti kekerapan penggunaan sumber maklumat elektronik di kalangan pelajar Fakulti Perubatan Hospital UKM
- c) Mengetahui sumber maklumat elektronik yang paling kerap digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran dan penyelidikan mereka.
- d) Mengenalpasti faktor-faktor yang menggalakkan dan yang tidak menggalakkan penggunaan sumber maklumat elektronik di kalangan pelajar
- e) Mengetahui kaedah pencarian maklumat yang digunakan pelajar apabila menggunakan sumber maklumat elektronik
- f) Mengenalpasti kepentingan sumber maklumat elektronik kepada proses pembelajaran dan penyelidikan pelajar.

1.7 Persoalan kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan penyelidikan yang berkaitan dengan penggunaan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan Hospital UKM di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan Hospital UKM. Persoalan penyelidikan yang dikenalpasti adalah seperti berikut :

- a) Apakah sumber maklumat elektronik yang terdapat di Perpustakaan Hospital UKM ?
- b) Apakah kekerapan penggunaan sumber maklumat elektronik di kalangan pelajar ?
- c) Apakah sumber maklumat elektronik yang paling kerap digunakan oleh pelajar ?
- d) Apakah faktor –faktor yang menggalakkan atau tidak menggalakkan penggunaan sumber maklumat elektronik di kalangan pelajar ?
- e) Apakah kaedah pencarian yang digunakan oleh pelajar dalam pencarian maklumat apabila menggunakan sumber maklumat elektronik ?
- f) Sejauhmanakah kepentingan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan Hospital UKM kepada pembelajaran dan penyelidikan pelajar ?

1.8 Skop dan batasan kajian

Kajian ini hanya meliputi responden yang berada di Fakulti Perubatan Hospital UKM sahaja. Manakala skop responden adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan tahun tiga hingga lima Fakulti Perubatan Hospital UKM. Responden dipilih kerana mereka merupakan antara pengguna utama perpustakaan dan pelajar yang paling ramai dalam Fakulti Perubatan UKM. Mereka juga terlibat dalam penulisan penyelidikan yang banyak memerlukan maklumat.

Skop kajian juga meliputi sumber maklumat elektronik yang disediakan oleh perpustakaan Hospital UKM sahaja. Hasil kajian ini juga akan digunakan oleh pihak pengurusan Perpustakaan Hospital UKM dan seterusnya dapat membantu pengurusan perpustakaan membuat keputusan yang efektif berkaitan penyediaan perkhidmatan sumber maklumat elektronik.

1.9 Kepentingan kajian

Sumber maklumat elektronik yang disediakan oleh Perpustakaan Hospital UKM merupakan satu usaha signifikan yang memudahkan pengguna mengakses dan memperolehi maklumat yang dikehendaki dengan cepat dan mudah. Kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan sumber maklumat elektronik dapat meningkatkan keberkesanan, dan kualiti pendidikan dalam proses pembelajaran pelajar (Shaheen Majid dan Abazavo, 1999).

Oleh itu, kajian ini akan menganalisa tren penggunaan sumber maklumat elektronik oleh pelajar untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan mereka. Kajian ini akan dapat mengenalpasti samada pelajar di institut pengajian tinggi di Fakulti Perubatan UKM khususnya dan di Malaysia umumnya, menggunakan sumber maklumat elektronik sebagai satu sumber yang penting dan signifikan dalam proses pembelajaran dan penyelidikan mereka ataupun tidak.

Hasil kajian ini juga berguna untuk perpustakaan akademik di Hospital UKM dan di Malaysia khususnya untuk membolehkan perpustakaan perubatan mengkaji semula sumber maklumat elektronik yang disediakan. Disamping itu, pihak perpustakaan juga akan mengambil inisiatif untuk memberikan penekanan kepada pelajar tentang

kepentingan sumber maklumat elektronik dan isu-isu penggunaannya seperti kaedah pencarian maklumat yang betul apabila menggunakan sumber elektronik. Hasil kajian juga dapat mengenalpasti kepentingan program orientasi pengguna dalam penggunaan sumber elektronik.

1.10 Definisi istilah

a) Fakulti Perubatan

Fakulti perubatan merujuk kepada fakulti yang menawarkan bidang pengajian dalam bidang perubatan. Dalam kajian ini, ia merujuk kepada Fakulti Perubatan di Hospital UKM yang menawarkan 22 program pra dan pasca siswazah iaitu :

Diploma Kejururawatan

Sarjana Muda Doktor Perubatan

Sarjana Obstetrik/Ginekologi

Sarjana Patologi Perubatan (Hematologi)

Sarjana Patologi (Histopatologi)

Sarjana Patologi Perubatan (Mikrobiologi & Parasitologi)

Sarjana Patologi Perubatan (Forensik)

Sarjana Perubatan (Anestesiologi)

Sarjana Perubatan (Kesihatan Masyarakat)

Sarjana Perubatan (Penyakit Dalaman)

Sarjana Perubatan (Perubatan Keluarga)

Sarjana Perubatan (Psikiatri)

Sarjana Perubatan (Radiologi)

Sarjana Sains Perubatan (Anatomii)

Sarjana Sains Perubatan (Biokimia)

Sarjana Sains (Farmakologi)

Sarjana Sains Perubatan (Fisiologi)

Sarjana Sains Perubatan (Mikrobiologi)

Sarjana Surgeri (Oftalmologi)

Sarjana Surgeri (Ortopedik)

Sarjana Surgeri (Otorinolaringologi)

Sarjana Surgeri(Surgeri Am)

b) Pelajar

Merujuk kepada seseorang yang mempelajari sesuatu bidang secara formal, sistematis dan berjadual khususnya yang belajar di sebuah sekolah, kolej dan universiti. Dalam kajian ini, ia merujuk kepada pelajar yang berdaftar di Fakulti Perubatan, UKM. Pelajar ini mengikuti program pengajian yang ditawarkan oleh Fakulti Perubatan, UKM.

c) Penggunaan

Daripada Merriam-Webster Dictionary (2000) penggunaan didefinisikan sebagai cara tindakan atau praktis dalam menggunakan sesuatu dan juga kaedah atau perbuatan menggunakan sesuatu. Cambridge Dictionary (2001) mendefinisikan penggunaan sebagai cara bagaimana sesuatu alat atau benda digunakan untuk sesuatu tujuan. Kajian ini pula

merujuk penggunaan sebagai tindakan, praktis, kaedah, dan cara bagaimana sumber maklumat elektronik digunakan untuk sesuatu tujuan dan keperluan tertentu.

d) Sumber maklumat elektronik

Sumber maklumat elektronik didefinisikan sebagai sebarang bentuk alat atau sumber yang mengandungi data atau program yang diproses oleh komputer dan menyediakan maklumat dalam bentuk yang boleh diakses melalui penggunaan komputer dan rangkaian seperti Internet (Reitz, 2004). Ia termasuk dalam bentuk maklumat atau data secara atas talian dan elektronik serta dalam bentuk fizikal seperti CD-ROM, pangkalan data atas talian dan jurnal elektronik. Sumber maklumat elektronik dalam kajian ini merujuk kepada sumber maklumat elektronik yang disediakan oleh Perpustakaan Hospital UKM.

1.11 Kesimpulan

Bab ini menerangkan tentang pengenalan dan latar belakang kajian. Ia juga membincangkan dan mengulas tentang beberapa perkara berkaitan sumber maklumat elektronik seperti perkembangan, penyediaan dan penggunaannya di perpustakaan akademik di seluruh dunia.

Penggunaan dan pembangunan sumber maklumat elektronik di perpustakaan akademik dalam bidang perubatan di Malaysia juga dibincangkan. Selain daripada itu, ia juga menjelaskan tentang permasalahan penyelidikan, persoalan penyelidikan, objektif, skop dan batasan penyelidikan, signifikansi penyelidikan dan definisi istilah tajuk penyelidikan.